

PERBARISAN PERUTUSAN PERINTAH ULUNG PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE-19



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1433-perbarisan-perutusan-perintah-ulung-panglima-angkatan-tentera-ke-19

KUANTAN, 23 Jan 17 – Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor telah menyampaikan Perintah Ulung beliau di hadapan 2000 warga ATM di Pangkalan Udara Kuantan serta dipancarkan secara langsung ke semua peringkat Markas Formasi, Divisyen, Briged, Pangkalan dan unit di seluruh Malaysia melalui *Video Conferencing* (VC).

Perintah Ulung beliau menggariskan aspek-aspek utama halatju ATM di bawah kepimpinan beliau yang perlu dihayati oleh seluruh kepimpinan ATM serta warganya agar mencapai aspirasi ATM dalam menuju ke arah sebuah ketumbukan angkatan yang dihormati di rantau ini selari dengan Visi dan Misi ATM.

YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor telah mengambil alih tampuk pimpinan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 16 Dis 2016 dan merupakan Panglima Angkatan Tentera yang ke-19.



